

# **Penggunaan Internet dalam penyebaran Ilmu Sejarah pada masa kini dan milenium baru.\***

---

Oleh

**Shakila Yacob**

Internet merupakan salah satu komponen penting teknologi maklumat dan komunikasi yang sedang berkembang hebat pada masa kini dan akan datang. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan menjanjikan kelebihan yang berbeza antara satu disiplin ke disiplin yang lain. Namun, apa yang pasti, teknologi maklumat dan komunikasi boleh dieksploitasi sepenuhnya dalam proses penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran sejarah. Sememangnya hari ini, para sejarawan, merupakan antara pengguna Internet yang paling aktif di dunia. Ini jelas, sekiranya kita menggunakan laman-laman sejarah yang ada di Internet sebagai ukuran.

Kertas ini akan membincangkan peralatan-peralatan yang ujud dalam Internet yang boleh digunakan oleh guru dan pelajar sejarah dalam proses penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran sejarah. Tujuannya untuk menghilangkan rasa gentar terhadap teknologi baru yang ramah sama ini, sekaligus, menggalakkan lebih ramai para sejarawan mengeksploitasi potensi Internet sepenuhnya dalam menghadapi milenium akan datang. Bagi mencapai

objektif ini, ditonjolkan model-model laman yang baik yang boleh dijadikan panduan. Tujuan kedua adalah untuk menggalakkan para sejarawan di Malaysia menyumbangkan maklumat dan sumber yang ada di Internet bagi meningkatkan penerimaan masyarakat luar terhadap idea tempatan dan pada masa yang sama menambahkan kandungan tempatan yang jauh sangat kurang berbanding dengan Barat. Di samping menjadi pengguna kita juga harus menjadi penjana. Namun, hanya masa akan menentukan kerana arus ini pasti akan melanda dan sekaligus membawa perubahan besar dalam penyebaran ilmu sejarah di Malaysia. Akhir sekali, kertas ini juga akan membincangkan nilai-nilai positif serta cabaran yang bakal dihadapi, sekiranya Internet menjadi media yang penting dalam penyebaran Ilmu Sejarah.

Sekiranya, Internet di gunakan sebagai salah satu alat pengajaran, maka, sudah tentulah ia juga akan mempengaruhi proses pengajaran, tahap pembelajaran dan juga peranan tradisi guru di kelas.<sup>1</sup> Guru akan lebih berperanan sebagai fasilitator yang memandu pelajar supaya berdikari dan pada masa yang sama memberi kebebasan kepada pelajar. Penggunaan teknologi baru ini bukanlah untuk menggantikan peranan guru, hanya sekadar memperbaiki atau meningkatkan cara pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dilakukan oleh Joseph M. Kayany mengenai penggunaan dan pembinaan laman kursus oleh pensyarah dalam proses pembelajaran mendapati ianya merupakan satu alat pengajaran dan pembelajaran yang sangat berguna dan berfaedah.<sup>2</sup> Berbanding dengan buku teks, maklumat yang diperolehi daripada Internet adalah lebih terkini, boleh diubahsuai, mempamirkan perspektif yang lebih luas dan boleh dikemaskinikan secara berterusan.<sup>3</sup> Walaubagaimanapun, penggunaan buku teks masih memainkan peranan penting dan masih mampu memberi kepuasan yang berbeza kepada pengguna.

Apa yang nyata, hari ini, terdapat beribu-ribu laman web yang mengandungi maklumat yang berharga bagi para sejarawan dan mereka yang berminat dengan ilmu sejarah. Dari laman-laman sejarah yang membincangkan pelbagai aspek di zaman purba, sehinggalah ke zaman moden. Laman-laman sejarah ini di rekacipta oleh pusat-pusat pendidikan tinggi, organisasi-organisasi, profesor-profesor sejarah, pelajar, penerbit, pustakawan dan juga individu yang berminat dengan sejarah. Sesetengah laman ini adalah berbentuk keserjanaan dan yang lain agak informal.<sup>4</sup> Internet telah berjaya membantu para sejarawan mempersembahkan fakta-fakta sejarah secara menarik, mudah dan dinamik dengan menggunakan tiga aspek penting dalam proses penyelidikan sejarah.

Ini termasuklah sumber primer<sup>5</sup>, sumber sekunder<sup>6</sup> dan sumber visual<sup>7</sup>. Secara tidak langsung, ia mendedahkan kepentingan dan menggalakkan penggunaan ketiga-tiga sumber ini.

## SUMBER-SUMBER INTERNET

### KOMUNIKASI MAKLUMAT

#### E-MEL

Tidak dapat dinafikan e-mel menyediakan kaedah yang murah dan segera dalam memperoleh dan menyebarkan maklumat di kalangan para sejarawan. Dalam bidang pendidikan terutamanya, e-mel boleh menjadi satu alat komunikasi dan kaedah penyampaian yang berkesan antara guru dan pelajar sejarah. Sehingga hari ini, e-mel telah digunakan dengan meluas dan merupakan satu teknologi yang ramah sama dan mudah digunakan. Pelbagai maklumat dan komunikasi kesarjanaan dapat kita lakukan diperingkat tempatan dan antarabangsa melalui e-mel yang boleh membawa kepada peningkatan tahap pengajaran dan pembelajaran Ilmu sejarah. Penggunaannya dapat dijalankan secara berkesan terutama sekali dalam pendidikan jarak jauh.

#### SENARAI DISKUSI

Senarai diskusi merujuk kepada kumpulan diskusi yang membincangkan bidang-bidang tertentu sama ada secara khusus atau secara lebih luas. Senarai diskusi mempunyai satu alamat e-mel yang secara automatik akan mengedarkan e-mel kepada mereka yang melanggan senarai diskusi tersebut. Senarai diskusi yang dilanggan haruslah memenuhi kehendak dan menepati bidang yang diceburi. Dengan ini, barulah, ia dapat membantu seseorang memperoleh dan menghasilkan sesuatu yang berharga dalam bidang penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran ilmu sejarah. Dengan melanggan kepada senarai diskusi, seseorang boleh melibatkan diri dalam perbincangan intelektual bersama rakan-rakan sekerja di peringkat tempatan dan antarabangsa. Di samping itu, maklumat terkini mengenai bidang yang diceburi boleh diperolehi melalui pengumuman seminar, buku-buku rujukan, bibliografi, ulasan-ulasan buku yang dilakukan secara sukarela, jemputan pembentangan kertas kerja serta maklumat mengenai tawaran "fellowship", bantuan kewangan and biasiswa. Disamping itu, seseorang

juga boleh mendapatkan maklumat dan nasihat yang bernas serta sumber terkini dengan mengemukakan permasalahan atau persoalan kepada senarai diskusi.

Terdapat tiga jenis senarai diskusi iaitu jenis makluman, penyetaraan dan bebas. Senarai diskusi jenis makluman merupakan senarai diskusi satu hala di mana mel dihantar oleh pemilik senarai kepada pelanggan. Pelanggan tidak boleh menghantar mel kepada senarai untuk diedarkan. Senarai ini sesuai untuk organisasi atau persatuan yang ingin menyebarkan maklumat kepada pelanggan dengan segera. Senarai jenis penyetaraan bererti terdapat penyetara, selalunya pemilik senarai yang akan menyemak, menapis dan mengesahkan semua maklumat sebelum diedarkan kepada pelanggan. Pemilik senarai ini boleh dianggap sebagai penyunting. Senarai jenis ini adalah agak terperinci dan spesifik. Oleh itu, mel-mel yang tidak sesuai atau tidak selari dengan topik akan disekat. Senarai diskusi ini sangat popular di dalam ilmu sejarah dan paling sesuai dilanggan. Senarai diskusi jenis bebas yang tidak diselenggara juga biasa terdapat. Senarai jenis ini akan menghantar mel secara otomatis kepada semua pelanggan tanpa ditapis. Ini kurang sesuai dilanggan kerana besar kemungkinan akan menerima mel-mel yang tidak berkenaan dengan bidang. Sila lihat Lampiran 1, untuk mengetahui cara melanggan senarai diskusi.

Terdapat banyak tapak yang mengkhusus dalam penyediaan senarai diskusi yang lengkap. Antara laman yang menyediakan senarai diskusi yang relevan dalam pelbagai bidang adalah di <http://tile.net/lists/>. Laman ini ada juga menyediakan senarai diskusi dalam disiplin sejarah. Satu lagi, adalah di <http://www.n2h2.com/KOVACS/>. Laman ini menyediakan ruang pencari bagi mendapatkan senarai diskusi berbentuk akademik. Laman ini menapis, menilai dan menyusun senarai diskusi, newsgroup dan topik-topik yang relevan kepada cendekiawan dan golongan profesional. Laman ini disusun oleh Diane K. Kovacs & The Directory Team.

Di Malaysia pula, salah satu senarai diskusi yang popular ialah Sang Kancil, sila pergi ke : <http://www.malaysia.net/lists/sangkancil/> Walaubagaimanapun, senarai diskusi ini tidak tertakluk kepada disiplin tertentu tetapi lebih tertumpu kepada topik-topik semasa. Setakat ini, di Malaysia belum ada lagi sebarang senarai diskusi dalam ilmu sejarah. Sila rujuk kepada Lampiran 2 untuk melihat senarai diskusi terpilih yang ada dalam ilmu sejarah.

## NEWSGROUP

Sama dengan senarai diskusi, "newsgroup" juga merujuk kepada kumpulan yang membincangkan topik-topik tertentu". Perbezaan utama adalah setiap individu boleh membaca, menjawab dan membincangkan perkara-perkara tertentu tanpa melanggan kerana segala-galanya diletakkan di papan buletin. Contohnya soc.culture.malaysia membincangkan segala isu-isu berhubung dengan aspek politik, ekonomi dan sosial di Malaysia.

## PENYEBARAN DAN PENERIMAAN MAKLUMAT DI INTERNET

### LAMAN-LAMAN META SEJARAH

Secara amnya, sumber-sumber Ilmu Sejarah yang paling baik di Internet adalah yang disediakan oleh kolej, universiti dan agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan sejarah dan juga muzium.<sup>8</sup> Seseorang harus berhati-hati apabila menggunakan laman web terutama sekali yang di bina oleh individu-individu tertentu yang walaupun baik, mempunyai potensi untuk mengandungi kesilapan-kesilapan fakta sejarah. Laman meta merujuk kepada satu laman yang mempunyai rangkaian jaringan ke laman-laman lain yang berkenaan dengan ilmu sejarah. Ia juga boleh menjadi titik permulaan bagi mendapatkan maklumat berkualiti mengenai sumber-sumber sejarah yang ada dalam Internet. Tapak ini dipilih berdasarkan penilaian yang telah dibuat ke atas liputannya yang meluas, mendalam, menarik serta berdasarkan kepada kewibawaannya. Selalunya, laman meta di bina dan disusun oleh universiti-universiti yang terkenal di luar negara terutama Amerika, Britain dan juga Australia (yang lebih mengkhusus kepada bidang sejarah di Asia-Pasifik).

Antara beberapa contoh laman meta yang bernilai dan berkualiti adalah seperti Historical Text Archive di <http://www.msstate.edu/Archives/History/>. Di sini terdapat koleksi sumber-sumber primer daripada seluruh dunia. Sebahagian besar koleksinya adalah daripada Amerika Syarikat. Kebanyakan sumber-sumber ini disediakan oleh Mississippi State University sementara melalui rangkaian yang disediakan sumber-sumber lain dapat dicapai.

Satu lagi contoh laman yang mengutamakan sumber-sumber primer adalah di <http://metalab.unc.edu/pha/>. Di sini terdapat teks lengkap buku-buku terpilih dan beberapa ratus dokumen asli termasuk dokumen diplomatik berkaitan dengan Perang Dunia Kedua. Arkib Pearl Harbour contohnya mengandungi lebih

dari 5 000 dokumen asli dan keterangan bertulis berhubung dengan penyerangan Pearl Harbour. Laman ini di taja oleh Sunsite, University of North Carolina, Chapel Hill.

Selain dari sumber primer, salah satu laman yang boleh dijadikan contoh yang baik mengenai penggunaan sumber visual yang berkesan adalah laman yang menceritakan mengenai Perang Saudara di Amerika. Laman ini yang beralamat di <http://lcweb2.loc.gov/ammem/cwphome.html>, menyediakan lebihkurang 1 118 gambar berkaitan dengan peristiwa sejarah yang penting di Amerika ini. Imej-imej ini dibuat dibawah penyeliaan Mathew B. Brady, seorang jurugambar yang terkenal di Amerika pada satu masa dahulu. Beliau meninggal dunia pada 22 Julai 1861 dan koleksi Perang Saudara yang diseliakan oleh beliau, malangnya, bukan sahaja tidak dihargai, malah telah menyebabkan beliau menghadapi masalah kewangan. Namun hari ini, koleksi beliau banyak meninggalkan maklumat berharga mengenai tradisi dan warisan Amerika semasa Perang Saudara dan di gunakan oleh Library of Kongres bagi menyingkap salah satu peristiwa penting sejarah Amerika dalam American Memory Project.

Salah satu laman yang boleh dirujuk bagi mendapatkan sumber-sumber di Asia adalah <http://coombs.anu.edu.au/CoombsHome.html>. Laman meta ini merupakan titik permulaan yang baik untuk mencari laman-laman yang menyediakan sumber-sumber Asia & Pasifik<sup>9</sup> berbanding dengan tapak lain yang lebih menumpukan kepada sumber-sumber dari Amerika Syarikat dan Eropah. Di sini, terdapat rangkaian ke pusat-pusat penyelidikan, perpustakaan dan juga universiti di seluruh dunia. Malahan, terdapat satu rangkaian yang merujuk secara khusus kepada Pengajian Asia iaitu; <http://coombs.anu.edu.au/WWWVL-AsianStudies.html>. Sekiranya, anda ingin mendapatkan maklumat mengenai senarai diskusi, majalah dalam talian dan data berhubung dengan negara Asia, sila pergi ke laman meta Asia Pasifik di <http://coombs.anu.edu.au/WWWVLPages/AsianPages/WWWVL-AsianMetaRsrcs.html>

Memandangkan, dunia Internet yang terlalu luas serta kandungan Internet yang senantiasia mengalami perubahan yang pesat, maka, diwujudkan "push-pull technology". Teknologi ini memudahkan para pengguna mengesan perubahan atau tambahan kandungan pada laman kegemaran masing-masing. Contohnya terdapat beberapa laman yang dibentuk bagi membantu para pengguna mendapat maklumat terkini mengenai laman kegemaran anda. Salah satunya adalah Mind-it oleh Netmind. Alamatnya adalah : [http://mindit.netmind.com/minder\\_wizard.shtml](http://mindit.netmind.com/minder_wizard.shtml)

Di sini pengguna hanya memasukkan alamat e-mel dan alamat tapak yang ingin dijejaki. Dengan ini, sekiranya ada pembaharuan, seseorang akan menerima maklumat melalui e-mel.

Selain dari itu, ada juga laman yang menyediakan sendiri teknologi ini. Salah satu contoh adalah US Census Bureau (Biro Banci U.S.) di <http://www.census.gov/> yang menyediakan segala jenis statistik mengenai negara Amerika. Di laman ini; <http://www.census.gov/mp/www/subscribe.html> pihak pentadbiran Biro ada menyediakan peluang melanggan senarai diskusi bagi mendapatkan maklumat terkini yang mungkin diperlukan bagi mengemaskini penyelidikan seseorang.

Selain daripada laman meta sejarah, terdapat juga perpustakaan dalam talian yang sememangnya memudahkan dan meringkaskan kerja-kerja penyelidikan dan proses mendapatkan maklumat. Terdapat juga perpustakaan yang mengkhusus dalam usaha mengujudkan koleksi-koleksi dalam bidang tertentu. Usaha ini patut dihargai kerana ia dapat menyediakan bahan-bahan berharga untuk tatapan umum dan membantu menjimatkan masa mencari bahan-bahan yang relevan. Pihak pustakawan telah memasukkan dan menyusun atur segala maklumat secara sistematik bagi memudahkan pencarian. Salah satu laman meta adalah BUBL LINK (Bulletin Board for Libraries: Libraries of Networked Knowledge) di <http://bubl.ac.uk/link/> Ia diujudkan oleh Perpustakaan Andersonian di University Strathclyde, Scotland. Di sini, terdapat koleksi sumber-sumber yang disusun mengikut subjek. Sekiranya berminat, anda boleh melanggan senarai melnya di <http://www.mailbase.ac.uk/lists/lis-link> dan sekaligus anda akan dimaklumkan mengenai perubahan kandungan.

Satu contoh tempatan pula, adalah usaha pustakawan di Universiti Malaya membentuk laman web pengajian Melayu dikenali dengan LontarWeb di <http://202.185.96.100/>. Sehingga kini, belum ada lagi laman yang merujuk khusus kepada Sejarah Malaysia. Walaubagaimanapun, anda masih boleh mendapatkan maklumat mengenai sejarah di LontarWeb kerana adanya perkaitan antara disiplin.

Antara sumber-sumber lain yang boleh diperolehi daripada Internet adalah teks elektronik, dokumen, koleksi terhad dan peta sejarah. Sumber-sumber ini sangat bernilai, unik dan terhad. Sekiranya tidak di letakkan di Internet, adalah sukar untuk mendapatkannya kerana besar kemungkinan sumber-sumber ini tidak dimiliki oleh perpustakaan tempatan mahupun Arkib di Malaysia ataupun lain-lain perpustakaan di dunia. Satu lagi, seseorang mungkin juga tidak

berpeluang menggunakan perpustakaan di sana, disebabkan jarak yang jauh dan keperluan perbelanjaannya yang tinggi. Disebabkan sumber-sumber terhad ini sangat sensitif dan rapuh, maka, penjagaan, pemeliharaan dan penggunaannya sangat perlu dikawal agar dapat bertahan lama. Oleh itu, adalah sangat penting ia di digitalkan kerana bukan sahaja dapat memanjangkan usia bahan tersebut tetapi juga dapat memastikan lebih ramai dapat memperolehinya dengan mudah. Contohnya di Perpustakaan Koleksi Khas di Duke University yang beralamat di <http://scriptorium.lib.duke.edu/>. Disini, terdapat sebuah pejabat yang dikenali sebagai "Digital Scriptorium".<sup>10</sup> Pensyarah dan pelajar boleh menggunakan komputer bagi mencapai sumber-sumber primer digital untuk menjalankan penyelidikan. Di samping itu, pengguna juga digalakkan untuk menghasilkan bahan-bahan yang ada dalam koleksi perpustakaan tersebut dalam versi digital untuk dipamirkan di Internet. Ini mengalakkan penggunaan sumber primer dan pada masa yang sama memainkan peranan menyumbang kepada satu paradigma baru dalam bidang penyelidikan dan keserjanaan ilmu Sejarah.<sup>11</sup> Berikut adalah contoh laman tersebut.

Ada juga laman yang menyediakan peta-peta sejarah yang lama serta sukar dicari seperti di <http://www.libs.uga.edu/darchive/hargrett/maps/maps.html>. Di sini, terdapat satu koleksi yang mengandungi lebihkurang 800 peta-peta sejarah yang meliputi carta masa 500 tahun iaitu dari abad ke 16 hinggalah awal abad ke 20. Namun, setakat ini hanya 20% daripada koleksi ini yang telah didigitalkan. Koleksi ini di usahakan oleh The Hargrett Rare Books and Manuscripts Library di University of Georgia. Di sini, seseorang boleh mendapatkan ihsan mengguna mana-mana peta dalam koleksi ini.

Pada masa yang sama, laman-laman muzium dan laman-laman arkib juga menyediakan pelbagai maklumat dan sumber untuk penggunaan pengajaran dan pembelajaran Ilmu Sejarah. Hari ini, dalam masa yang singkat sahaja seseorang boleh memperolehi bahan-bahan bernilai. Contohnya, kita boleh "download" keseluruhan buku teks<sup>12</sup>, membaca ulasannya, menerima maklumat mengenai teks-teks yang berkaitan dan penyelidikan yang telah dilakukan dalam bidang ini serta aspek-aspek pensejarahannya. Ini sudah tentulah dapat memudahkan dan membantu para sejarawan melakukan kerja-kerja penyelidikan. Jelaslah, Internet kaya dengan sumber pensejarahan dan ia harus diambilkira sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang penting dalam Ilmu Sejarah hari ini.



Satu lagi sumber berharga adalah majalah dan jurnal dalam talian yang berkaitan dengan disiplin sejarah. Begitu juga, terdapat suratkhbar dalam talian. Jurnal-jurnal ini menyenaraikan isi kandungannya, artikel-artikel terpilih daripada isu-isu yang lepas dan juga menyediakan maklumat bagi mereka yang berminat untuk melanggan. Kebanyakan senarai jurnal dalam talian yang ada di Internet, tidak dilanggan oleh perpustakaan tempatan. Peruntukkan kewangan yang kecil semasa krisis ekonomi juga meninggalkan kesan ketara dalam perlangganan jurnal luar negeri di perpustakaan tempatan. Jurnal dalam talian yang boleh dicapai contohnya adalah *The Political Science Review*, *History Today*, *Current History*, *Perspective*, *The Medieval Review* dan banyak lagi. Untuk mendapat senarai yang lebih komprehensif, sila pergi ke laman meta ini iaitu: <http://www.library.ubc.ca/ejour> Di sini, terdapat senarai majalah dalam talian yang disusun mengikut kategori. Disamping itu, terdapat juga laman bernama *NewJour* beralamat; <http://gort.ucsd.edu/newjour/index.html> yang menyediakan senarai jurnal di Internet yang senantiasa dikemaskini dan seseorang berpeluang mencari jurnal mengikut abjad di arkibnya yang setakat ini mempunyai 7816 item. Ia juga mempunyai senarai jurnal yang paling terkini dan menyediakan enjin pencari mengikut abjad sekiranya seseorang tahu nama jurnal tersebut. Seseorang juga boleh menggunakan enjin pencari yang disediakan bagi mencari senarai jurnal yang ada diarkibnya. Selain itu, laman ini menyediakan peluang untuk anda melanggan bagi mendapatkan berita dan senarai jurnal terkini.

Terdapat juga laman-laman yang menyediakan pameran-pameran elektronik yang menggunakan sumber visual dalam penerangan terperinci mengenai sesuatu peristiwa. Disebabkan sumber-sumber yang sedia ada, pameran elektronik ini selalunya di bentuk sebagai laman web oleh penganjur selepas tamatnya tempoh pameran kepada orang ramai. Salah satu contoh yang baik, adalah tapak yang menceritakan kejatuhan Singapura ke tangan Jepun pada 8hb. Disember 1941 beralamat di: <http://www.sol.com.sg/classroom/fall/index.html>. Di tapak ini ada carta masa, beberapa bab daripada buku teks, beberapa dokumen, imej dan klip bunyi yang sebelum ini digunakan dalam tapak pameran yang dianjurkan oleh National Museum of Singapore.

Akhir sekali, terdapat juga laman-laman yang membincangkan mengenai penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran Ilmu Sejarah, isu-isu sejarah masa kini, kerjaya dalam disiplin sejarah, dan sebagainya. Laman <http://history.hanover.edu/do.htm> yang ditaja oleh Jabatan Sejarah, Hanover College ada membincangkan mengenai hal ini. Merujuk kepada soal kerjaya, hari ini,

semakin ramai majikan yang mula mencari calon yang "Internet-savvy".<sup>13</sup> Begitu jugalah untuk menjayakan sekolah dan universiti bestari pada milenium akan datang, sudah tentulah memerlukan "net-savvy teachers"<sup>14</sup>.

#### **HALATUJU PENGGUNAAN INTERNET DALAM ILMU SEJARAH PADA MILENIUM AKAN DATANG**

Antara kelebihan-kelebihan yang boleh di perolehi hasil penggunaan Internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu Sejarah adalah penyelidikan sejarah yang inovatif. Ini boleh membantu menghasilkan penemuan-penemuan baru. Kemajuan teknologi dan sumber-sumber digital yang semakin banyak hari ini, menjanjikan sesuatu yang menarik dan berkualiti dalam bidang penyelidikan dan pengajaran Ilmu sejarah di sekolah dan institut pengajian tinggi. Ini adalah kerana koleksi digital yang berkualiti tinggi akan mengalakkan penggunaan bukti kesarjanaan.

Selain dari itu, sebagaimana yang telah dijelaskan, sumber primer semakin mudah di perolehi di Internet hari ini. Ini akan meningkatkan lagi penggunaan sumber-sumber primer dalam pengajaran dan penyelidikan ilmu Sejarah dan secara tidak langsung, memantapkan persembahan fakta-fakta sejarah.

Satu lagi sumbangan Internet yang penting kepada ilmu Sejarah adalah peluang serta jalan yang disediakan ke arah berkongsi kepakaran di kalangan sejarawan di seluruh dunia tanpa mengira sempadan. Kemudahan berkomunikasi melalui e-mel dan senarai diskusi mampu meningkatkan tahap kesarjanaan yang tinggi di kalangan sejarawan. Selain dari itu, ia memudahkan proses mendapatkan bahan, menjalankan penyelidikan dan membentangkan kertas kerja di seminar-seminar dalam dan luar negeri kerana wujudnya jalinan jaringan melalui senarai diskusi. Bukan itu sahaja, teknologi jaringan yang wujud hari ini mampu mengujudkan satu rangkaian koleksi-koleksi khas akademik di perpustakaan, arkib-arkib dan muzium di seluruh dunia. Walaubagaimanapun, perpustakaan tempatan besar kemungkinan masih lagi mempunyai masalah untuk menyediakan perkhidmatan jurnal dalam talian. Ini disebabkan dengan kebiasaan mereka menerima jurnal bercetak. Apa yang penting, dalam peringkat transisi ini, penyediaan jurnal dalam talian ia harus dijayakan melalui persatuan-persatuan perpustakaan profesional dan diselaraskan dengan baik.<sup>15</sup> Sekiranya pustakawan mengambil inisiatif ini, satu lagi masalah adalah penyediaan masyarakat akademik sendiri menerima idea jurnal dalam talian.

Selebihnya, bergantunglah kepada seseorang itu untuk mengambil inisiatif membentuk dan menjalin jaringan ini serta mengenalpasti potensinya. Teknologi jaringan dan sumber-sumber digital ini memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang kearah pendidikan tinggi terutamanya pembelajaran jarak jauh.

### BATASAN DAN CADANGAN

Pada masa yang sama, terdapat juga kekurangan dan had berhubung penggunaan teknologi baru ini dalam penyebaran Ilmu Sejarah. Hanya segelintir sahaja, para sejarawan yang benar-benar berminat menggunakan teknologi baru ini dalam bidang pengajaran dan pembelajaran Ilmu Sejarah. Keengganan para sejarawan mengintegrasikan teknologi baru dengan Ilmu Sejarah ini, banyak disebabkan oleh isu-isu plagiat, hakcipta, takut menggunakan komputer, tidak mempunyai masa dan pelbagai alasan lain. Segelintir yang menjalankan usaha menggunakan teknologi baru ini selalunya gagal mendapat pengiktirafan yang sepatutnya, sedangkan pelaburan masa dan usaha adalah sangat besar.

Dengan ini, bagi menjayakan usaha dan perancangan kerajaan ke arah penggunaan teknologi terkini dalam pendidikan, maka, perlu ada pengiktirafan bagi penyelidikan dan pengajaran yang berasaskan teknologi maklumat apabila mengendalikan penilaian tugas seseorang. Penilaian ini boleh dilakukan oleh pelajar semasa mengisi borang penilaian prestasi pengajaran atau dimasukkan peruntukkan baru ini dalam borang penilaian tugas. Ini akan menggalakkan penerimaan guru atau pensyarah terhadap aktiviti-aktiviti sebegini dalam meningkatkan prestasi kerjaya mereka. Usaha ini amat perlu kerana hari ini, jelas ujud peningkatan yang nyata dalam penggunaan komputer di kalangan rakyat Malaysia dan dengan ini para pengajar pada satu hari nanti tidak akan kekok menghadapi generasi pelajar yang celik komputer. Menurut laporan syarikat penyelidik ACNielsen Malaysia Sdn Bhd, pengguna PC di Malaysia pada tahun 1996 adalah 997 000 dan ini meningkat kepada 1.307 juta pada 1997.<sup>16</sup> Menurut Pengurus Komunikasi ACNielsen, Wan Sallehah Wan Mahmood, ini disebabkan kesedaran masyarakat Malaysia yang semakin meningkat terhadap teknologi maklumat dan juga Internet.<sup>17</sup>

Selain tidak mendapat pengiktirafan pihak atasan, bagaimana pula sambutan dari para pelajar? Adakah pelaburan masa ini wajar? Daripada pengalaman penulis sendiri, pelajar sememangnya menghargai usaha pensyarah menggunakan teknologi baru ini. Walaubagaimanapun, masih ada pelajar yang

masih belum tahu dan berpeluang menggunakan Internet. Sila rujuk Lampiran 2 & 3.

Walau apa pun, salah satu matlamat penting dalam profesion pengajar adalah perkongsian maklumat dimana saling mempelajari antara satu sama lain kaedah baru pengajaran dan pembelajaran. Cara yang paling mudah untuk mencapai matlamat ini, sudah tentulah dengan menggunakan Internet. Jika dibandingkan dengan cara pengajaran tradisional dengan pengajaran yang melibatkan penggunaan Internet, jelas terbukti ia berjaya membantu pelajar memahami tema dan konsep-konsep pengajaran yang tertentu dan pada masa yang sama meningkatkan kepekaan pelajar mengenai kepentingan komputer.<sup>18</sup> Pada masa yang sama, tidak dapat dinafikan, ramai pelajar mahupun pensyarah, yang berminat mengintegrasikan teknologi baru dalam bidang penyelidikan dan pengajaran Ilmu Sejarah tetapi malangnya, mereka mengalami kekurangan sumber, prasarana serta sokongan kewangan.

Selain dari itu, salah satu isu yang menonjol, terutama sekali di negara kita, adalah kekurangan pakar di kalangan komuniti sejarawan bagi mengeksploitasi potensi teknologi baru ini secara berkesan dan cekap. Di sebabkan faktor inilah, maka, kandungan tempatan terlalu kurang di Internet, terutama sekali merujuk kepada Ilmu Sejarah amnya dan sejarah Malaysia khususnya. Begitu juga, masih belum ada senarai diskusi tempatan bagi Ilmu Sejarah.

Kerajaan telah memperkenalkan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITA) demi meningkatkan peranan rakyat Malaysia sebagai pengeluar/penjana yang berinovasi dan berjaya dalam menghasilkan aplikasi tempatan bertaraf antarabangsa dan bukan semata-mata sebagai pengguna.<sup>19</sup> Keprihatinan kerajaan ini harus didokong oleh sektor pendidikan terutama sekali diperingkat pengajian tinggi.

Apa yang pasti, perlu ada usahasama di kalangan para sejarawan di Malaysia untuk sama-sama menyumbang ke arah kejayaan sesuatu projek di Internet. Selain daripada usahasama di kalangan para sejarawan, perlu ada juga kerjasama antara para sejarawan dengan agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Pendidikan, Dewan Bahasa Pustaka dan juga badan-badan swasta dalam usaha menjayakan sesuatu projek sama ada untuk mendapatkan sokongan kewangan, sumber atau kepakaran. Pada masa yang sama, perlu ada usahasama di peringkat daerah dan kebangsaan bagi memastikan lebih ramai terutamanya mereka di luar bandar mendapat peluang mengakses Internet sekaligus mendapat latihan

dan panduan yang pasti boleh didapati percuma melalui khidmat sukarelawan. Antara contoh usahasama yang boleh dijadikan panduan adalah usahasama di antara Perpustakaan Negara Malaysia, Mimos Bhd., Hewlett-Packard Sales (M) Sdn. Bhd. dan Microsoft (M) Sdn. Bhd. yang berjaya menghasilkan satu pusat pengetahuan dalam talian yang dipanggil "Connected Learning House Malaysia" (CLH).<sup>20</sup> CLH telah dilancarkan dan menyediakan satu platform bagi pelajar, guru dan masyarakat awam berinteraksi dalam usaha berkongsi dan mencari maklumat. Laman web ini, antaranya, menyediakan rangkaian ke Perpustakaan Negara Malaysia, 14 Perpustakaan Negeri, Sirim dan Sekolah Menengah Sultan Salahuddin Shah. Di masa depan CLH akan menyediakan rangkaian ke sekolah-sekolah lain.<sup>21</sup>

Sesungguhnya banyak peluang, potensi dan cabaran teknologi maklumat yang harus dikenalpasti dan dihadapi pada milenium akan datang. Dengan itu, mereka yang terlibat dalam proses membuat keputusan perlu mengikut perkembangan terkini secara rapat bagi perancangan dan persediaan menghadapi milenium baru supaya tidak ketinggalan.<sup>22</sup>

Yang paling penting, para sejarawan di Malaysia harus mengubah sikap dan persepsi terhadap pengajaran dan pembelajaran Ilmu Sejarah menggunakan Internet dan harus mengambil inisiatif untuk mempelajari kaedah-kaedah baru ini. Apa yang jelas, hampir kesemua sejarawan yang terbabit dengan perkembangan ICT hari ini, telah mempelajari kaedah baru ini dengan sendiri (self taught).

Kepekaan mengenai peri pentingnya Ilmu Sejarah kepada pembangunan negara dan bangsa tidak memadai, sekiranya tidak diintegrasikan dengan teknologi baru ini. Ini adalah kerana teknologi baru inilah, yang akan mempengaruhi perjalanan dan penyebaran Ilmu Sejarah pada milenium baru. Ini nyata dilakukan dan disedari oleh para sejarawan di Barat sebagaimana terbukti di Internet hari ini.

## NOTA

- \* Kertas kerja ini merupakan versi baru yang telah dikemaskinikan oleh penulis dan sebelum ini telah dibentangkan dalam Simposium Sejarah yang telah diadakan oleh Jabatan Sejarah, Universiti Malaya pada bulan Oktober 1998.
- 1 Joseph M Kayany, "Instructional Uses and Effects of World Wide Web Course Pages: A Review of Instructor Experiences", The American Communication Journal, Vol. 1, Issue 3 (1.3) August 1998. Alamat Online: <http://www.americancomm.org/~aca/acj/acj.html>
- 2 Ibid.
- 3 Randall James Ryder & Tom Hughes, *Internet for Educators*, Prentice Hall Inc., New Jersey, 1998, hlm. 82.
- 4 Dennis A. Trinkle., (et al.), *The History Highway: A Guide To Internet Resources*, M.E. Sharpe, Inc., New York, 1997, hlm. 21.
- 5 Sumber primer merujuk kepada sumber-sumber asal antaranya, manuskrip, surat peribadi, surat perjanjian dan dokumen-dokumen kerajaan.
- 6 Sumber sekunder merujuk kepada sumber-sumber yang ditulis mengenai sesuatu peristiwa yang telah berlaku. Selalunya, ia merupakan interpretasi daripada sumber-sumber primer dan sumber-sumber sekunder. Antaranya, adalah majalah dalam talian, teks, laman muzium dan sebagainya.
- 7 Sumber visual merujuk kepada sumber-sumber ilustratif yang menggambarkan apa yang dilakukan dan difikirkan oleh masyarakat yang lepas. Ini termasuklah seni lukisan, kartun, ukiran, bangunan, gambar dan sebagainya. Sumber visual boleh menyediakan pandangan dan idea yang bernas mengenai sesuatu peristiwa atau perkembangan sejarah.
- 8 William P. Leeman, "American History Web sites for Use in Secondary Schools", Social Education, April 1999, pg. 150
- 9 Bagi mendapatkan senarai laman-laman mengenai sejarah dan politik Malaysia sila rujuk :  
Shakila Yacob, "A Guidebook of History Resources on the Internet", Prentice-Hall Inc., Malaysia, 1998.
- 10 Steven L. Hensen, "Primary Sources, Research and the Internet: The Digital Scriptorium at Duke", First Monday, Vol. 2, No.9, 1 September 1998. Peer Reviewed Journal on the Internet. Available [Online]: [http://www.firstmonday.dk/issues/issue2\\_9/hensen/index.html](http://www.firstmonday.dk/issues/issue2_9/hensen/index.html)
- 11 Ibid.
- 12 Pengguna dinasihatkan mengambil bahagian-bahagian yang penting sahaja dan tidak "download" keseluruhan teks kerana ini mengambil masa dan ruang yang banyak.

- 13 Paul J. Leblanc, "Masters of the Internet", *Connection*, Vol. XII, No. 3, Fall 1997, hlm. 43
- 14 Ibid.
- 15 Lawrence W. Hugenberg, "Communication Teacher Online: Issues for success, *The American Communication Journal*, Vol. 2, Issue 3 (2.3) May 1999. Alamat Online: <http://www.americancomm.org/~aca/acj/acj.html>
- 16 Khairul Anuar Samad, "Melayu terus catat peningkatan guna PC", *Komputer, Berita Harian*, Rabu, 14 Oktober, 1998, hlm.1
- 17 Ibid.
- 18 Steven G. Snow, James Hearne, "Computer Science with Political Science: Teaching Implications of the Internet", *Social Science Computer Review*, Vol. 15, No.3, Fall 1997, pg.288
- 19 Hizral Tazzif Hisham, "NTTA ubah peranan rakyat Malaysia", *Komputer, Berita Harian*, Rabu, 23 September 1998, hlm. 5
- 20 InTech, *THE STAR*, Selasa, 8 Jun 1999, hlm.2
- 21 Dalam menjayakan projek dalam talian ini, Microsoft telah menyumbangkan perkakasan dan latihan berharga RM 500, 000.00. Hewlett-Packard pula, menyumbangkan komputer peribadi jenis Vectra sebanyak 23 buah dan tiga netserver berharga RM 250 000.00. Mimos menyediakan perkhidmatan hos laman dan internet serta membangunkan pelbagai applikasi. Usahasama ini boleh dijadikan sebagai contoh bagi menjayakan projek-projek dalam talian peringkat tempatan.
- 22 William Wresch, *A Teacher's Guide to the Information Highway*, Prentice-Hall, New Jersey, 1997, hlm 183.

**LAMPIRAN 1****Cara-Cara Melanggan Senarai Diskusi**

- 1) Seseorang perlu menghantar mesej kepada alamat yang bermula dengan nama : "listserv", "listproc" atau "majordomo".
- 2) Mesej untuk melanggan terdiri daripada perkataan "subscribe", nama senarai diskusi dan nama penuh anda.
- 3) Subscribe World-L Amir Aizat
- 4) Ruang subjek harus dikosongkan dan mesej anda harus ditaipkan di ruang teks.
- 5) Sebaik berjaya melanggan, anda akan menerima mesej yang mengesahkan keahlian anda.
- 6) Sila baca dan simpan untuk kegunaan masa depan kerana dalam mesej ini terdapat pelbagai maklumat mengenai jenis-jenis arahan yang harus digunakan bagi kemudahan pelanggan. Ini termasuklah menghentikan mel sementara waktu sekiranya anda bercuti, memulakan semula selepas bercuti dan juga menghentikan langganan sekiranya anda mendapati senarai diskusi ini tidak memenuhi kehendak anda.

Catitan: Ini merupakan salah satu cara biasa bagi melanggan senarai diskusi, namun sesetengah senarai diskusi mempunyai cara tersendiri. Sila ikut arahan yang diberi dan cuba beberapa kali sehingga berjaya.

**LAMPIRAN 2**

Senarai terpilih bagi senarai diskusi disiplin sejarah yang ada di Internet.

- 1) WORLD-L, Sejarah Dunia  
Hantar mesej "sub WORLD-L nama anda" kepada [listserv@ubvm.cc.buffalo.edu](mailto:listserv@ubvm.cc.buffalo.edu)
- 2) H-ASIA, Sejarah dan Budaya Asia  
Hantar mesej "sub H-ASIA nama anda" kepada [listserv@h-net.msu.edu](mailto:listserv@h-net.msu.edu)
- 3) RENAISS-L, Sejarah Renaissance  
Hantar mesej "sub RENAISS-L nama anda" kepada [listserv@ulkyvm.louisville.edu](mailto:listserv@ulkyvm.louisville.edu)
- 4) WOMHIST, Sejarah Wanita  
Hantar mesej "sub WOMHIST nama anda" kepada [listserv@vm.temple.edu](mailto:listserv@vm.temple.edu)
- 5) WWII-L, Perang Dunia Kedua  
Hantar mesej "subscribe WWII-L nama anda" kepada [listserv@listserv.acsu.buffalo.edu](mailto:listserv@listserv.acsu.buffalo.edu)
- 6) H-ISLAMART, Sejarah Seni Lukis dan Seni Bina Islam



Hantar mesej "sub H-ISLAMART nama anda" kepada [listserv@h-net.msu.edu](mailto:listserv@h-net.msu.edu)

7) ISLAM-L, Sejarah Islam

Hantar mesej "sub ISLAM-L nama anda" kepada [listserv@ulkyvm.louisville.edu](mailto:listserv@ulkyvm.louisville.edu)

8) H-JAPAN, Sejarah Jepun

Hantar mesej "sub H-JAPAN nama anda" kepada [listserv@h-net.msu.edu](mailto:listserv@h-net.msu.edu)

### LAMPIRAN 3

Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Amerika Moden Dengan Bantuan Laman Web Kursus di <http://www.geocities.com/Athens/Academy/2577/> pada semester 2 (Sesi 1997/1998)

Pensyarah telah mengedarkan borang soal selidik kepada seratus pelajar tahun dua dan tiga yang mengambil mata pelajaran Sejarah Amerika Moden di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Lapan puluh pelajar telah mengembalikan borang soal selidik. Diperingkat awal kuliah, pelajar telahpun dimaklumkan dan digalakkan menggunakan laman kursus yang dibina khusus bagi membantu pelajar mempelajari matapelajaran tersebut. Di laman ini, pensyarah menyediakan silabus dan kandungan kursus, bahan rujukan, soalan-soalan tutorial dan latihan, nota dan artikel serta rangkaian-rangkaian yang berkaitan dengan matapelajaran Sejarah Moden Amerika Syarikat.

Berikut adalah data-data yang diperolehi sebagaimana yang dinyatakan melalui jadual-jadual di Lampiran 3 dan 4

Jadual 1  
Pengetahuan Menggunakan Internet

Makluman Pelajar	Bilangan	Peratus
Bilangan pelajar yang tahu menggunakan Internet	51	63.8
Bilangan pelajar yang tidak tahu menggunakan Internet	29	36.3
Jumlah	80	100.01

Antara sebab utama yang diberikan oleh pelajar yang tidak tahu menggunakan Internet adalah disebabkan kekurangan prasarana dan peluang menggunakan prasarana yang ada.

Jadual 2

Lawatan ke Laman Kursus

Lawatan ke Laman Kursus	Frekuensi	Peratus
Bilangan pelajar yang melawat laman	41	51.3
Bilangan pelajar yang tidak melawat laman	39	48.8
Jumlah	80	100.01

## LAMPIRAN 4

Jadual 3

Tindakbalas Positif Pelajar Yang Menggunakan Laman Kursus

	Faktor-Faktor	Bilangan	Peratus
1	Bahasa Melayu	21	26.3
2	Capaian Maklumat	5	6.3
3	Pengetahuan	15	18.8
	Jumlah	41	100.0

Jadual 1 menunjukkan 51 daripada 80 pelajar tahu menggunakan Internet. Jadual 2, pula memaparkan, 41 daripada 51 pelajar tersebut ada menggunakan laman kursus tersebut. Merujuk kepada Jadual 3, faktor penggunaan Bahasa Melayu di laman kursus merupakan faktor utama yang ditekankan oleh para pelajar berbanding dengan capaian maklumat yang pantas dan segera dan peningkatan pengetahuan dalam bidang yang dipelajari.